

UCAPAN PRESIDEN UMNO MERANGKAP
PERDANA MENTERI DI MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR PEMBANGUNAN PERGERAKAN
PEMUDA UMNO MALAYSIA DI SRI MORIB,
MORIB PADA 25HB JULAI, 1971

Saudara Pengerusi, Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi, Ahli-ahli
Majlis Kerja Pemuda, Saudara-saudara sekalian,

Inilah kali pertama kita ahli-ahli Parti berhimpun beramai-ramai
di peringkat nasional semenjak saya mengumumkan Manipol 11
May, 1971, iaitu Manifesto Politik UMNO untuk menghadapi
cabaran-cabaran di peringkat Baru dalam tahun-tahun tujuh
puluhan, pada 10hb Mei, 1971, sempena Perayaan Jubli Perak
UMNO.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas
taufik dan hidayahNya kepada kita dan limpah kurniaNya dalam
segala usaha dan perjuangan Parti dan kita perseorangan semenjak
perjumpaan yang bergembira dan bersejarah dua setengah bulan
dahulu.

Kehadiran kita semua di Seminar ini terus membuktikan dengan
terangnya kejayaan kita setakat ini dan keazaman dan kesanggupan
kita untuk mengorbankan apa jua yang ada dan perlu bagi
menyambung perjuangan kebangsaan Parti kita di atas landasan
yang telah dibina dengan kukuhnya dua puluh lima tahun yang
lalu.

Saudara-saudara sekalian,

Tema Seminar hari ini ialah "Pemuda dan Pembangunan."
Tema ini kena tempatnya dan sesuai dengan keadaan dan kenya-
taan yang ada dan yang sedang dan akan berlaku dalam Negara
kita dan selaras dengan dasar dan hasrat Kerajaan Perikatan yang
didukung oleh UMNO, Parti kita.

Semenjak 12hb hingga 19hb July, iaitu semenjak Buku Merah
yang membentangkan Rancangan Malaysia Yang Kedua 1971-1975
diterbitkan untuk bacaan dan kajian umum, Negara kita telah
ditimpa oleh "Development Virus" atau kuman yang merebakkan

penyakit pembangunan dan saudara-saudara pun hari ini telah kena penyakit pembangunan walaupun tidak dijangkit masa kemuncak kuman pembangunan merebak dan mengamok, iaitu, dalam masa yang saya katakan tadi.

Sebenarnya, saya bersyukur kepada Tuhan bahawa "penyakit pembangunan" ini telah baik di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Saya telah beri mereka double-dose injection dan Tun (Dr) Ismail's triple-dose injection—terutama sekali kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Parti Pembangkang, bukan saja mengubati mereka tetapi saya fikir cukup untuk menghindarkan kedatangan virus ke mereka buat beberapa lama.

Sebaliknya, saya tidak suka Penyakit Pembangunan ini sembuh di kalangan saudara-saudara dan orang-orang Melayu dan Bumi-putra yang lain. Saya suka penyakit ini merebak kepada mereka hinggalah mereka teruk dan tenat ditimpa virus ini dan dengan itu mereka terpaksa berusaha dan mencari ikhtiar bagi menghapuskan kuman ini dan jika mereka berjaya tatkala itu orang-orang Melayu telahpun maju dan well-established proportionately dalam dunia perdagangan, perusahaan, profession dan private sector yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Dasar Ekonomi Baru Kerajaan seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia yang Kedua itu bertujuan mengwujudkan sebuah Negara Malaysia yang teguh, makmur, bersatu padu dan progresif di mana kekayaan alam dan kemudahan-kemudahan moden dan tamaddunya dapat dinikmati oleh semua rakyat tanpa kira bangsa dengan adil dan saksama.

Bagi mencapai cita-cita itu, Kerajaan mestilah mencapaikan beberapa matlamat yang besar, antaranya ialah: pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat. Penyusunan semula masyarakat Malaysia dengan tujuan mengurangkan dan, lama kelamaan, menghapuskan sama sekali fungsi-fungsi atau kegiatan ekonomi berdasarkan suku dan kaum dan bagi mencapaikan ini maka mustahaklah Kerajaan mewujudkan satu masyarakat Melayu dan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang maju dan dinamis dan dengan itu menjadikan mereka satu golongan rakyat Malaysia yang baru, hidup dan bekerja bersatu padu dan makmur untuk berkhidmat kepada Negara, bangsa dan ugama.

Sungguhpun masaalah ini rumit, tetapi saya sendiri akan memimpin dan menyelaraskan usaha untuk membentuk satu golongan orang-orang Melayu dan Bumiputra menjadi "satu golongan entrepreneur". Saya percaya dengan kerjasama pemimpin-pemimpin politik, pegawai-pegawai Kerajaan dan orang-orang Melayu dan Bumiputra sendiri, cita-cita kita itu dapat menjadi kenyataan.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua ini, usaha ini hanya merupakan peringkat awal tetapi peringkat yang penting, untuk mencapai penukaran rangka masyarakat dari masyarakat tani dan nelayan kepada masyarakat industrial dan perdagangan yang moden di mana pengeluaran dan pembahagian yang akan membawa kepada pembahagian pendapatan dan harta yang lebih saksama, pembangunan Daerah yang seimbang dan peluang-peluang bekerja yang bertambah dan kegiatan ekonomi yang stabil.

Dengan matlamat-matlamat Kerajaan ini diterangkan dengan jelasnya maka saya berharap dan menasihatkan orang-orang Melayu supaya bekerja kuat, amanah dengan bangsa mereka sendiri dan pandai pula merebutkan peluang dan rezki yang luas dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dan sudah tentu kita semua akan dapat menikmati kebahagiaan dan kesejahteraan ekonomi dan kehidupan jika kita semua pandai merebut dan melaksanakan matlamat-matlamat Kerajaan ini.

Dasar Ekonomi Baru Kerajaan akan dapat mengatasi masaalah kemiskinan dan pengangguran dan juga menyempitkan jurang perbezaan ekonomi di antara rakyat berbilang bangsa dalam negara ini.

Saya dan Kerajaan berazam untuk mencari ikhtiar supaya kekayaan alam di Malaysia ini dapat dimajukan dengan sebaik-baiknya dan hasilnya akan dapat dinikmati dengan saksama oleh semua rakyat. Tetapi berjaya atau sebaliknya usaha-usaha dan rancangan-rancangan Kerajaan ini bergantung kepada sikap atau attitude rakyat terutama orang-orang Bumiputra dan kesanggupan mereka menerima cabaran-cabaran dan dugaan-dugaan.

Saya yakin kejayaan rancangan-rancangan ini adalah bergantung kepada sikap rakyat dan kesanggupan mereka menerima dugaan dan cabaran-cabaran hidup. Kita mestilah berani mengubah falsafah hidup mereka hari ini iaitu hidup "kais pagi makan pagi"

atau "subsistence economy" kepada hidup yang moden. Mereka mestilah juga faham dan mengetahui bahawa usaha-usaha yang dikehendaki dari mereka itu bukan saja bekerja untuk memenuhi keperluan hidup sahaja bahkan untuk membolehkan mereka mempunyai wang dan pendapatan yang cukup bagi menikmati kemudahan hidup yang lebih baik dan lebih sempurna menurut zaman dan lagi baik jika pendapatan yang lebih itu disimpan untuk waktu-waktu susah.

Sebagai Parti pemerintah, ahli-ahli UMNO mestilah bukan saja mengerti dan faham tentang Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tetapi mereka wajiblah mengambil bahagian yang utama dan aktif dalam menjayakan pelaksanaannya. Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Parti haruslah bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan menggesa rakyat semua bekerja kuat dan mendorong pegawai-pegawai Kerajaan menggerakkan jentera Kerajaan supaya ia lebih cekap dan licin bagi menjauhkan pelaksanaan Rancangan ini.

Peluang-peluang bagi orang-orang Melayu dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini adalah besar, maka terpulanglah kepada orang-orang Melayu merebutkan bagi faedahnya. Di sinilah peranan penting yang boleh dimainkan oleh ahli-ahli UMNO khasnya mereka yang bertanggungjawab tentang masalah ekonomi dalam Parti. Mereka mestilah menggesa dan menolong menyediakan orang-orang Melayu untuk berlumba-lumba merebutkan peluang-peluang ekonomi dan kalau kita kurang berjaya juga berbuat demikian, janganlah pula semata-mata menyalahkan pihak Kerajaan.

Kerajaan dan saya sendiri boleh dan akan memberi orang-orang Melayu dan ahli-ahli UMNO pimpinan yang dinamis dan jujur tetapi ini akan menjadi sia-sia belaka jika orang-orang Melayu dan ahli-ahli UMNO sendiri tidak sedia dan sanggup menyambut cabaran saya itu dengan penuh dinamis dan kejujuran juga.

Saudara-saudara sekalian,

Dasar, strategi dan cara-cara pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru yang menyatukan New Force dan new realism telahpun diterima sebulat suara oleh ahli-ahli Dewan Rakyat yang mewakili seluruh rakyat Malaysia. Mereka semua bersependapat bahawa Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dapat mengatasi masalah-masalah

kalau tidakpun membasmi langsung kemiskinan dan pengangguran, akan berjaya menyempitkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan menyusun semula masyarakat Malaysia dengan mewujudkan golongan professional, middle-class, kaum entrepreneur, majikan, pengusaha-pengusaha Bumiputra dan Bumiputra dalam medan pekerjaan dan kegiatan lain-lain lagi.

Perkara yang selalu dibangkitkan oleh kritik-kritik Rancangan Malaysia Yang Kedua ialah soal pelaksanaan. Di sini seperti yang telah saya terangkan ketika mengemukakan dan menggulungkan usul dalam Parlimen, Kerajaan telahpun menyediakan jentera pentadbiran yang baru untuk menyelaraskan segala tenaga Kerajaan termasuklah badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan, supaya mereka semua dapat menyatukan usaha dan tenaga menuju ke arah matlamat yang satu, dengan hati yang satu dan semangat yang sama; one heart, one mind towards one objective.

Saya bersetuju sepenuhnya bahawa pelaksanaan merupakan anak kunci kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, dan menyusun semula masyarakat negara ini. Ada setengah-setengah dari kritik-kritik yang menyatakan kebimbangan mereka tentang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, sementara mengakui bahawa matlamatnya adalah baik dan wajar, tetapi Kerajaan tidak akan menjalankannya dengan adil.

Saya suka mengulangi lagi jaminan kepada semua rakyat di seluruh Negara bahawa dalam melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan sentiasa berlaku tegas, adil dan saksama. Oleh itu, mereka janganlah bimbang kerana Kerajaan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukunegara dan Manipol 11 May, 1971 tambahan pula, negara kita masih kaya dengan kekayaan alam, yang mana kalau digunakan dan dimajukan dengan sebaik-baiknya akan dapat sama-sama dinikmati dengan saksama oleh rakyat.

Saya tidak perlu bercakap panjang lebar berkenaan dengan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini kerana saudara-saudara bolehlah membuat kajian sendiri dan saya percaya saudara-saudara akan bersependapat dengan wakil-wakil rakyat dari semua parti berkenaan Dasar Ekonomi Kerajaan kita.

Untuk mengelakkan saudara-saudara terkeluar dari landasan atau bagi menentukan saudara-saudara membuat kajian using the right premise, saya cadangkan supaya ahli-ahli Seminar membaca dengan teliti akan kandungan Buku Merah dan saudara-saudara seharusnya telahpun ada satu naskah tiap-tiap seseorang. Ibu Pejabat Pemuda seharusnya telah memberikan percuma atau menjualkan Buku-buku ini kepada saudara-saudara dan saudara-saudara juga seharusnya telah mempunyai sekurang-kurangnya ucapan-ucapan usul dan jawapan saya berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru dan juga jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail berkenaan perkara yang sama bagi panduan dalam sebarang perbincangan saudara-saudara.

Jika saudara-saudara tidak membaca dan memahami benar-benar apa yang terkandung dalam Buku Merah itu maka saudara-saudara kurang menunaikan tugas saudara-saudara sebagai ahli-ahli, pemimpin-pemimpin dan kader-kader Parti. Yang mustahak lagi, bagaimana pula saudara-saudara hendak membincangkan pembangunan dalam context negara kita dengan serious dan bertanggungjawab kalau saudara-saudara tidak faham akan strategi dan matlamat-matlamat Kerajaan seperti yang terkandung dalam Buku Merah itu?

Dengan keterangan ringkas saya ini, saya berharap melalui dengan pembacaan saudara-saudara sendiri, saudara-saudara akan lebih faham dasar-dasar dan matlamat-matlamat kita bersama.

Saya berharap saudara-saudara akan memberi sokongan sebulat suara kepada Rancangan yang amat penting dan mustahak ini yang mana akan merupakan dorongan dan inspirasi kepada sekalian yang berkenaan untuk melaksanakannya dengan semangat yang bersungguh-sungguh.

Sebelum rancangan ini tamat pada tahun 1975, saya berharap kita bersama-sama dapat masuk kepada satu zaman pembangunan baru yang memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat seluruhnya, membawa mereka kebahagiaan dan kemakmuran sepertimana yang dikehendaki. Kita akan berjaya, syaratnya kita orang-orang Melayu khasnya menyahut dan menyambut cabaran-cabaran di hadapan kita dengan berani dan amanah.

Saudara-saudara sekalian,

Pembangunan di Negara kita ini pelek dan berlainan dengan process pembangunan di negara-negara lain di rantau ini. Oleh kerana Negara kita mempunyai sejarah yang kurang revolutionary tetapi ini tidaklah pula merugikan bahkan kekurangan itu telah menguntungkan kita, maka Malaysia tidaklah dihinggap oleh penyakit ideology apa lagi menyuburkan sebarang ideology.

Pembangunan di Malaysia, kerana itu telah berjalan dengan baik dan juga disebabkan kita mempunyai golongan perusahaan, perdagangan dan perniagaan yang cekap, walaupun benar mereka itu terdiri dari orang-orang yang bukan bumiputra.

Kita telah berjaya selama empat belas tahun membangunkan negara kita dengan hanya berharap dan menyerahkan kegiatan-kegiatan ekonomi kepada private industri dan ini telah mendapat hasil yang baik dari segi kemajuan nasional.

Tetapi dari segi orang-orang Melayu menyerah bulat-bulat kepada private industri kegiatan-kegiatan ekonomi tidaklah begitu memuaskan kerana penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputra sangatlah kurang sekali. Dan oleh kerana Malaysia tidak dihinggap oleh sebarang ideology secara extreme dan kerana Kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita flexible dan pragmatic dan bertimbang rasa, maka di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, the state has felt it necessary to undertake industrial and commercial enterprises on its own or through its agencies.

Kerajaan akan mengambil peranan yang bertambah aktif dan dengan secara langsung atau melalui agency-agencynya dalam bidang perusahaan dan perdagangan bagi memberi sumbangan yang lebih bermakna bagi menjayakan matlamat-matlamat ekonomi dan masyarakat—yang penting ialah bagi melahirkan satu golongan entrepreneur dan profession bumiputra yang besar bilangannya yang merebak dan menyeluruh di semua peringkat masyarakat.

Saudara-saudara sekalian,

Inilah kebbaikannya tidak ada sifat-sifat dogmatic atau rigid dalam polisi-polisi Negara. Faedah-faedahnya sangat besar—satu-satu Negara itu tidak terikat oleh ideology secara melulu. Kita berubah mengikut masa dan zaman. Dalam zaman lima dan enam puluhan, kita serah kepada private industri bagi mencapai

matlamat-matlamat zaman yang itu dan sekarang pula kita adakan "State Participation" bagi mencapainya matlamat-matlamat dan objective yang lain pula dan sesuai dengan keadaan dan hasrat rakyat Bumiputra.

Kalau itulah apa yang dinamakan "Doctrine Kebajikan" maka kita bukan saja telah masuk ke ambang bahkan telahpun melaksanakan "Doctrine Kebajikan" melalui Bank Bumiputra, PERNAS, MARA, Bank Pertanian dan Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu dan badan-badan seperti UDA (Urban Development Authority) dan Development Bank atau Bank Pembangunan dan badan-badan lain lagi yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Dasar kita sekarang ialah bertujuan bagi "memberi dan membahagi kekayaan Negara dengan adil dan saksama dan memberi semua rakyat tanpa kira bangsa peluang-peluang yang sama bagi menikmati kekayaan dan rezki yang luas dalam Negara, bersama-sama berkhidmat dengan bersatu-padu bagi menjadi Malaysia ini lebih kuat, kukuh dan bahagia lagi bagi semua. Nampaknya Dasar kita ini tidak lari dari maksud atau Paul Sigmund's Concept of the Socialism in new and developing nations: Mengikuti Sigmund, this socialism is "fed by a passion for social equality, and by a desire for rapid economic development It is a nationalist socialism, and, therefore, it rejects the Marxist-Leninist theory of the class struggle, at least, as applied to internal economic relations". Inilah sebaik-baik jawapan kita kepada intellectual-intellectual dan infantile Socialists dan pengkritik-pengkritik kita dari pihak kiri.

Inilah apa yang dikatakan dasar pragmatism dan UMNO adalah sebuah Parti yang praktikal—perjuangannya sentiasa sesuai dengan aliran zaman dan selagi kita tunduk kepada prinsip ini—berubah mengikut tuntutan zaman—maka selama itulah UMNO akan terus kuat dan disokong oleh bukan sahaja orang-orang Melayu tetapi rakyat Malaysia yang ingin melihat Negara ini terus maju dan rakyatnya yang terdiri dari berbagai-bagai keturunan itu hidup dengan penuh muhibbah dan aman damai.

Saudara-saudara sekalian,

Kegiatan-kegiatan militant Communist atau bagi kita, penjahat-penjahat Kominis, di sempadan Siam-Malaysia dan Sarawak-Indonesia dan di Sarawak, di Kedah dan akhir-akhir ini sudah

berdekatan Ipoh pula, merungsingkan kita kerana ancaman penjahat-penjahat Kominis ini sentiasa ada dan jika kita tidak sentiasa berwaspada, ancaman yang merbahaya ini boleh menjadi buruk yang akibatnya saudara-saudara semua sedia maklum.

Tetapi saya yakin bahawa rakyat Malaysia dari semua bangsa yang cintakan tanah air dan yang taat setianya tidak berbelah bagi kepadanya akan sentiasa taat kepada Kerajaan dan akan menyokong Kerajaan dan melawan penjahat-penjahat kominis itu habis-habisan. Saya yakin dan percaya dengan berhasilnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, kita akan dapat mengatasi bahaya militant communist di Malaysia. Ini dengan sendirinya pula meletakkan harapan kita yang tinggi kepada Rancangan Malaysia Yang Kedua ini. Ia boleh membasmi kemiskinan dan dengan tiada kemiskinan bahaya kominis akan dapat dikawal.

Sebilangan besar rakyat Malaysia adalah bukan Kominis dan mereka ini tidak menerima communism apa lagi Militant Communism tetapi mereka ini tidak pula yakin bahawa sebaik-baik ubat untuk melawan Communism adalah dengan menjadi anti-communist atau menerima capitalism Barat dengan melulu. Kita mahu berkawan dengan siapa-siapa pun dan dengan mana-mana Negara jua tanpa kira bentuk atau sistem Kerajaan mereka asalkan Negara-negara itu mengiktirafkan kemerdekaan dan kedaulatan kita dan menerima dasar saling hormat menghormati antara satu sama lain dan tidak mencampuri hal-hal rumah tangga masing-masing. Dalam context inilah kita telah mengadakan hubungan diplomat dan perdagangan dengan negara-negara Socialist dan Kominis di Eropah Timur.

Satu-satunya prinsip yang baik diikuti dalam perhubungan antarabangsa ialah kita mestilah menunjukkan sikap dan dasar yang bebas—sikap dan dasar yang sehaluan dengan masa dan keadaan sambil menjagakan kepentingan kita sebagai sebuah Negara yang kecil tetapi merdeka dan berdaulat. Dasar bebas ini mustahak jika kita hendak mengisikan dasar kita yang hendak meluaskan horizon of friendship dengan seberapa banyak Negara untuk kepentingan politik dan perdagangan kita.

Oleh kerana kita memandang ke hadapan dan kerana insaf kita ini sebuah Negara yang kecil yang berteduh di pinggir bayang yang tidak rendang setengah-setengah Negara besar, maka kita telah

lama lagi daripada Negara-negara atau Kuasa-kuasa besar melihat ke hadapan tentang perlunya diadakan detente dengan Pemerintah Republik Rakyat China. Malaysia telah mengambil inisiatif bagi mengekalkan keamanan di Tenggara Asia dengan mengumumkan dasar Perkecualian Tenggara Asia atau Neutralization of Southeast Asia dalam mana kuasa-kuasa besar—USA, China, USSR—akan menjamin perkecualian rantau ini dan mana-mana kuasa besar pun tidak akan campur tangan dalam pergolakan politik negara-negar di rantau ini.

Cadangan Malaysia ini tidak ditentang oleh mana-mana Negara dan setakat ini kemajuan-kemajuan atas cadangan seterusnya masih dikehendaki lagi. Namun begitu, Malaysia dan saya sendiri berbangga bahawa semenjak Malaysia mula-mula mengemukakan cadangan ini setahun dahulu, perkembangan-perkembangan, kemajuan pemikiran dan pertukaran attitude terhadap China oleh Kuasa-kuasa Besar Barat sangat jelas dan banyak Negara-negara Eropah, ada yang menjadi anggota NATO, yang telahpun dan sedang merancang hendak mengadakan hubungan diplomatic ataupun perdagangan dengan Negara yang mempunyai 750 juta manusia ini, iaitu China dan satu pasaran yang paling besar dan kaya di dunia hari ini.

Kita sedang memerhati dengan teliti perkembangan dan kemajuan Sino-American relationship selepas pengumuman Bersama President Nixon dan Perdana Menteri Chou En-Lai tentang lawatan pemimpin America ke Peking tahun hadapan.

Malaysia bergembira di atas perkembangan ini dan berharap perkembangan seterusnya akan menguntungkan kedua belah pihak dan sebarang persefahaman atau rapprochment antara kedua gergasi semestinya adalah bagi keamanan seluruh dunia terutama sekali di rantau kita ini. Kalau tidak pun sekurang-kurangnya ia akan meredakan tension dan mencegah kemungkinan-kemungkinan yang tidak diinginkan daripada berlaku di muka bumi ini.

Malaysia berharap "Perjalanan Persahabatan dan Damai" President Nixon itu akan menolong normalise the relations antara dua bangsa itu. Malaysia akan terus berusaha di peringkat kita bagi mewujudkan keamanan dunia dan di rantau kita. Tetapi jelas sekarang China mempunyai "Dasar yang lembut" di peringkat perhubungan antarabangsa, satu perkembangan yang sangat baik dan menggembirakan.

Perwakilan kita ke Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tahun ini merupakan perwakilan yang penting kerana kita akan memerhatikan development dan excitement berkenaan kemasukan China menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh kerana itu besar kemungkinannya saya sendiri akan mengetuai Perwakilan Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu tahun ini.

Saudara-saudara sekalian,

Hasrat UMNO sama dengan hasrat rakyat. Parti kita adalah Parti yang dipunyai oleh rakyat—orang kaya, miskin, bangsawan, tua, muda, progresif dan conservative, kiri dan kanan—UMNO sebenar-benarnya mewakili semua peringkat bangsa Melayu di Negara kita ini dan telah banyak menunjukkan jasa-jasa dan bakti-bakti kepada bangsa, ugama dan watan.

Sebagai ahli-ahli UMNO, kita bersama-sama bertanggungjawab untuk memperjuangkan cita-cita dan tujuan UMNO serta hasrat rakyat hingga segala hasrat itu tercapai, iaitu, melahirkan satu bangsa Malaysia yang tulin, kuat, maju, bersatu-padu dan makmur.

Bagi melaksanakan cita-cita kita itu, maka kita mestilah memperkukuhkan Parti kita: memperkuat jentera dan segala tenaga dalam Parti, tenaga Pemuda dan Wanita UMNO hendaklah disalurkan bagi menentukan kejayaan dasar-dasar kita. Maka Parti kita mestilah menurut landasan-landasan disiplin yang tertentu.

Saudara-saudara sekalian,

Oleh kerana Parti politik adalah great intermediary atau 'tali perhubungan' yang kuat yang menyatukan social force dan ideology dengan Kerajaan atau institut-institut Kerajaan dan menggerakkan tindakan-tindakan politik dalam masyarakat seluruhnya, maka Parti kita mestilah bukan sahaja ada disiplin tetapi setiap anggotanya mestilah menjunjungkannya dengan taat setia.

Tugas Parti kita yang besar dalam masa Rancangan Malaysia Yang Kedua ini berjalan ialah bagi menggembelikan seluruh tenaga rakyat di semua peringkat, dalam semua aktiviti pekerjaan baik Kerajaan, perseorangan atau dalam private sector bagi menyokongkan Rancangan ini dan bersama-sama memainkan peranan—memberi kepintaran, kemahiran dan bakat masing-masing, bagi menjamin Rancangan ini akan dilaksanakan dengan sempurna.

Bagi mencapai cita-cita itu UMNO hendaklah dalam masa dan waktu yang sama dijadikan sebuah Party of Mobilization yang sebenar-benarnya yang akan menyatu-padukan rakyat bagi menyambut dan melaksanakan Rancangan Kerajaan ini.

Selain dari mobilize rakyat atau menggembelingkan mereka, UMNO mestilah juga menjadi active agent sebagai Parti yang akan integratekan atau menyatupadukan rakyat yang tulin dan ini boleh dicapai dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua berdasarkan Rukunegara dan Manipol 11 May, 1971.

Kekuatan UMNO adalah terletak di atas kedudukan dan peranan kita bagi memperjuangkan cita-cita dan hasrat rakyat. Dengan sebab itu, jikalau kita berpisah dari cita-cita itu maka kita akan terlepas daripada akar umbi yang menyuburkan dan menguatkan pertumbuhan Parti kita.

Oleh kerana keadaan politik UMNO adalah Parti orang-orang Melayu tetapi pada hakikatnya UMNO adalah memperjuangkan kemudahan dan kesenangan untuk semua rakyat yang miskin tanpa mengira bangsa dan UMNO akan mendahulukan kepentingan nasional dan rakyat daripada kepentingan sectional atau puak-puak yang tertentu. Kita akan memecahkan masalah berdasarkan kepada kepentingan negara dan keuntungan rakyat seluruhnya terutama sekali mereka yang tidak berada.

Dalam zaman Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, apakah sebenar-benarnya perasaan dan hasrat atau cita-cita rakyat khususnya ahli-ahli UMNO? Cita-cita dan hasrat rakyat ialah mereka itu berkehendakkan kepada perubahan nasib. Mereka berkehendakkan taraf hidup mereka diperbaiki supaya menjadi lebih tinggi dan lebih sempurna lagi daripada yang ada pada hari ini. Mereka berkehendakkan kedudukan ekonomi mereka diperbaiki sesuai sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan sedang membangun.

Pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan Perikatan sedar dan mengetahui cita-cita dan hasrat rakyat ini. Dengan sebab itu, Kerajaan sedang menjalankan ikhtiar-ikhtiar dengan seberapa dayanya yang boleh untuk memperbaiki ekonomi dan taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang miskin dan mundur. Semua ini akan dapat dicapai dengan pelaksanaan semua matlamat-matlamat yang ada dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua itu.

Untung nasib kita pada besarnya terletak di atas Rancangan Malaysia Yang teragung ini. Kerana itulah kita mesti berjaya dalam pelaksanaannya dan saya percaya dan yakin kita akan berjaya dengan pertolongan Tuhan dan berkat usaha-usaha hambanya.

Saudara-saudara sekalian,

Kekuatan kita untuk terus memerintah atau survival kita tetap terjamin jika Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dijalankan dengan sempurna. Bagi menjaminkan ini, dasar politik kita mestilah mempunyai tujuan-tujuan ini—segala-segalanya mestilah beralah kepada kepentingan Negara. Kesempurnaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua akan menentukan samada kita terus hidup damai antara satu sama lain, sama-sama berkhidmat bagi melahirkan satu masyarakat Malaysia yang benar-benar makmur dan kemakmurannya dapat dinikmati oleh semua rakyat dengan adil dan saksama atau tidak.

Inilah tugas kita yang maha penting dan saya percaya dan yakin bahawa UMNO dan Kerajaan dapat menjalankan tugas ini dengan sempurna. Dengan semangat dan harapan ini, saya dengan sukacitanya mengistiharkan Majlis Seminar Pemuda tahun 1971 ini dibuka.

Terima kasih.